

IJTIHAD RASULULLAH SAW DALAM PENENTUAN HUKUM

Oleh:
Mohd Saiba bin Yaacob¹

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk membuktikan bahawa Rasulullah SAW adalah individu yang mula-mula mempelopori kegiatan berijtihad dalam penentuan hukum bagi sesuatu persoalan yang tidak dinaskan secara qat'iy di dalam al-Quran. Untuk tujuan tersebut, penulis telah menganalisa hampir dua puluh permasalahan hukum yang telah diijtihadkan oleh Rasulullah SAW berasaskan beberapa landasan ijtihad sebagaimana yang telah dirumuskan kemudiannya oleh fuqaha' mujtahidin yang muktabar. Sekali gus, artikel ini bertujuan untuk membuktikan bahawa kaedah-kaedah ijtihad yang digunakan oleh fuqaha' mujtahidin dalam penentuan hukum-hukum fekah adalah bersumber daripada al-Quran, al-Sunnah dan landasan ijtihad yang telah dipelopori oleh Rasulullah SAW sendiri.

PENDAHULUAN

Orang yang paling faham dan mengerti tentang selok belok hukum syarak yang terkandung di dalam al-Quran ialah Rasulullah SAW. Justeru itu, baginda merupakan orang yang paling layak untuk mempelopori peranan berijtihad dalam mengeluarkan hukum-hukum syarak yang terkandung di dalam al-Quran.

Sehubungan ini, Imam al-Shafi'i (150-204H) telah merumuskan bahawa al-Sunnah mempunyai tiga peranan utama dalam pensyariatan hukum Islam iaitu menyokong hukum-hukum yang sudah dinaskan di dalam al-Quran, memperincikan hukum-hukum yang dinyatakan secara

¹ Mohd Saiba bin Yaacob, MA, Pensyarah Jabatan Al-Dakwah Wal Qiadah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan.

ringkas di dalam al-Quran dan menetapkan hukum-hukum yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran.²

Menurut penilaian penulis, fungsi al-Sunnah di dalam kategori kedua dan ketiga itulah terletakanya peranan Rasulullah SAW untuk berijtihad berpandukan fakta-fakta yang terkandung di dalam nas-nas al-Quran yang terperinci dan juga berasaskan prinsip-prinsip umum dan objektif syariah.

Selaras dengan pendapat jumhur ulama yang menegaskan bahawa berijtihad adalah diharuskan kepada nabi Muhammad SAW³ dan baginda telah pun berijtihad dalam pelbagai masalah hukum, penulis akan menghuraikan tentang peranan Rasulullah SAW dalam berijtihad, kaedah ijtihad dan contoh-contoh hukum yang telah diijtihadkan oleh baginda.

PERANAN RASULULLAH SAW DALAM BERIJTIHAD

Semua fuqaha' telah berijmak bahawa Rasulullah SAW mempunyai hak untuk berijtihad dalam semua persoalan yang melibatkan kemaslahatan dunia seperti urusan peperangan, pentadbiran dan pemerintahan negara. Apa yang diperselisihkan oleh fuqaha' ialah berkenaan sama ada Rasulullah SAW mempunyai hak untuk berijtihad dalam penentuan hukum-hukum syarak atau pun tidak. Menurut pendapat yang kuat, baginda mempunyai hak untuk berbuat demikian.⁴

Ini kerana selain daripada menjadi seorang Rasul, baginda juga merupakan seorang pemimpin negara, kadi dan mufti yang secara langsung bertanggungjawab kepada institusi-institusi *imamah* (kepimpinan negara), *qadha'* (penghakiman di mahkamah) dan fatwa,⁵ di mana ketiga-tiga institusi berkenaan kerap terdedah kepada pelbagai persoalan hukum yang tidak dinaskan secara terperinci di dalam al-Quran khususnya yang melibatkan persoalan hidup bermasyarakat dan bernegara. Pendapat inilah yang bertepatan dengan firman Allah S.W.T:

² Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī (1979), *al-Risālah* (ed. Ahmad Muḥammad Shakir) (cetakan kedua). Kaherah: Dar al-Turath, h. 32-33.

³ Yahya bin Sharaf al-Nawawi (1997), *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim ibn al-Hajjaj* (cetakan keempat). Beirut: Dar al-Ma'rifah, j. 11, h. 57.

⁴ Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazali (1997), *al-Mustasfa* (ed. Najwa Daww). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j. 2, h. 173-176 dan Muḥammad bin 'Ali al-Shawkani (t.t), *Irshad al-Fuhul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 378-379.

⁵ Prof. Dr. Ba Bakr al-Hasan (1997), *al-Ijtihad bi al-Ra'y*. Kaherah: Maktabah al-Zalira', h. 116.

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ
يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: "Dan Kami telah menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya (apa yang terkandung di dalam syaria Islam)". (Surah al-Nahl (16): 44).

Ayat di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah diperintahkan supaya memberikan penjelasan berkenaan sesuatu hukum yang tidak diperincikan melalui al-Quran. Tugas tersebut telah disempurnakan oleh baginda dengan tiga cara. Pertama, memberikan tafsiran atau perincian kepada hukum-hukum yang ditentukan melalui al-Quran secara ringkas seperti berkenaan cara-cara menyempurnakan ibadat khusus terutamanya sembahyang, puasa, zakat dan haji. Kedua, membatas (*taqyid*) dan mengkhususkan (*takhsis*) pengertian sesuatu nas al-Quran yang bersifat umum seperti ayat al-Quran yang bermaksud: "Allah mensyariatkan bagi kamu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan",⁶ di mana berhubung ayat yang umum ini, Rasulullah SAW telah menjelaskan bahawa para nabi tidak meninggalkan harta pusaka. Justeru itu, sebarang harta peninggalan baginda adalah menjadi sedekah untuk kepentingan umum umat Islam. Ketiga, menentukan beberapa hukum yang langsung tidak ditentukan melalui al-Quran⁷ seperti hak nenek untuk mendapat 1/6 daripada bahagian pusaka, cara bersuci daripada najis *mughallazah* dan sebagainya.

Berhubung ketiga-tiga peranan di atas, Allah S.W.T telah berfirman:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَاكَ اللَّهُ

Maksudnya: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan kepadamu al-Quran dengan membawa (petunjuk) kebenaran supaya engkau berhukum dengannya di kalangan manusia menurut apa yang diperlihatkan oleh Allah kepadamu". (Surah al-Nisa' (4): 105).

⁶ Al-Quran, surah al-Nisa' (4): 11.

⁷ Al-Shafi'i (1979), *op. cit.*, h. 32-33.

Sehubungan itu, ramai fuqaha' yang berpendapat bahawa Rasulullah SAW telah diberikan mandat untuk berijtihad dalam memutuskan sesuatu kes mahkamah yang tidak dinaskan melalui al-Quran. Pendapat ini amat bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:⁸

إِنِّي إِنَّمَا أَقْضِي بَيْنَكُمْ بِرَأْيِي فِيمَا لَمْ يُنْزَلْ عَلَيَّ فِيهِ

Maksudnya: "Sesungguhnya saya hanya memutuskan hukuman berhubung kes-kes pertikaian di kalangan kamu dengan pendapat saya berhubung kes yang tidak diturunkan (wahyu) kepada saya mengenainya".

Dalam berijtihad, Rasulullah SAW sentiasa terikat dengan nas-nas al-Quran, prinsip dan objektif syariah. Inilah di antara kesimpulan yang boleh dirumuskan daripada firman Allah S.W.T:

وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرْهُمْ أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ

Maksudnya: "Dan hendaklah engkau menjatuhkan hukuman di kalangan mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau mengikuti hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu." (Surah al-Ma'idah (5): 49).

Justeru itu, Rasulullah SAW telah mendapat teguran daripada Allah S.W.T apabila baginda memberikan kesediaan untuk menyembahyangkan jenazah Abdullah bin Ubay bin Salul sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَلَا تُصَلِّ عَلَى أَحَدٍ مِنْهُمْ مَاتَ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلَى قَبْرِهِ إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَاتُوا وَهُمْ فَسِقُونَ

Maksudnya: "Dan janganlah engkau solatkan seorang pun yang mati dari orang-orang munafik itu selama-lamanya,

⁸ Abu Dawud Sulayman bin al-Ash'ath, (1999), *Sunan Abi Dawud*. Riyad: Dar al-Salam, hadis bilangan 3585.

dan janganlah engkau berada di (tepi) kuburnya, kerana sesungguhnya mereka telah kufur kepada Allah dan RasulNya, dan mereka mati dalam keadaan fasik". (Surah al-Tawbah (9): 84).

Baginda juga telah ditegur apabila memberikan keizinan kepada sebilangan tentera Islam untuk tidak menghadiri peperangan Tabuk sebagaimana firman Allah S.W.T:

عَفَا اللَّهُ عَنْكَ لِمَ أَذِنْتَ لَهُمْ حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكَ الَّذِينَ صَدَقُوا
وَتَعْلَمَ الْكَذِبِينَ

Maksudnya: "Allah memaafkanmu (wahai Muhammad), mengapa engkau izinkan mereka (tidak turut berperang) sebelum nyata bagimu orang-orang yang benar dan (sebelum) engkau mengetahui orang-orang yang berdusta?" (Surah al-Tawbah (9): 43).

Rasulullah SAW juga telah ditegur oleh Allah S.W.T berkenaan hukuman ke atas tawanan perang Badar apabila baginda menerima pendapat Abu Bakar r.a lalu membuat keputusan untuk menjadikan mereka sebagai tawanan perang dan membebaskan mana-mana tawanan yang sanggup membayar tebusan. Sehubungan ini, Allah S.W.T telah berfirman:

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكُونَ لَهُ أَسْرَىٰ حَتَّىٰ يُفْخَرَ فِي الْأَرْضِ
تَرْيُدُونَ عَرَضَ الدُّنْيَا وَاللَّهُ يُرِيدُ الْآخِرَةَ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: "Tidaklah patut bagi seseorang Nabi mempunyai orang-orang tawanan perang sehinggalah dia dapat melumpuhkan pihak musuh di muka bumi. Kamu menghendaki harta benda dunia, sedang Allah menghendaki (pahala) akhirat (untuk kamu). Dan (ingatlah), Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana". (Surah al-Anfal (8): 67).

Berasaskan penjelasan di atas, penulis amat bersetuju dengan pandangan sebilangan fuqaha' yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW diharuskan berijtihad tanpa perlu menunggu wahyu dari Allah S.W.T sama ada dalam urusan dunia mahupun urusan agama kecuali dalam

permasalahan yang tidak mungkin diketahui tanpa wahyu⁹ seperti dalam persoalan yang berhubungkait dengan ibadat khusus dan berhubung sesuatu hukum yang bersifat *muqaddarat* seperti tempoh wanita beridah, bilangan hukuman sebat akibat melakukan beberapa jenis kesalahan jenayah hudud dan sebagainya.

KAEDAH IJTIHAD RASULULLAH SAW

Dalam berijtihad untuk memperincikan hukum-hukum syarak, Rasulullah SAW terlebih dahulu akan mengambilkira fakta-fakta yang terkandung di dalam nas-nas al-Quran yang terperinci kerana al-Quran merupakan sumber hukum syarak yang paling asasi.

Selain itu, baginda telah berijtihad berasaskan kaedah *qiyas* apabila terdapat persamaan *'illat* hukum di antara persoalan yang telah dinaskan secara terperinci di dalam al-Quran dengan masalah baru yang tidak dinaskan mengenainya. Baginda juga turut berijtihad dengan mengambil kira beberapa prinsip umum dan objektif syariah seperti prinsip tiada kesempitan, prinsip memelihara kemaslahatan umum dan mengambilkira uruf yang baik di kalangan masyarakat.

Huraian lanjut berhubung tiga kategori ijtihad Rasulullah SAW yang dinyatakan di atas adalah sebagaimana berikut:

1. Ijtihad Berasaskan Fakta Hukum Yang Terkandung Di Dalam Nas Al-Quran Yang Terperinci

Sebagai individu yang mempunyai kefahaman yang paling mendalam berkenaan hukum-hukum yang terkandung dalam al-Quran, Rasulullah SAW sentiasa berusaha untuk menghayati dan memperincikan sesuatu hukum menurut ijtihad baginda berasaskan fakta yang tersirat di dalam sesuatu nas al-Quran itu sendiri.

Sebagai contoh, baginda pernah memulakan puasa pada bulan Ramadan dalam keadaan berjunub sebagaimana yang diberitakan oleh Aishah r.a (58H) dan Ummu Salamah r.a (59H):¹⁰

⁹ Ali Hasaballah (1982), *Usul al-Tashri' al-Islami* (cetakan keenam). Beirut: Dar al-Fikr, h. 99 dan Prof. Dr. Ba Bakr al-Hasan (1997), *op. cit.*, h. 118.

¹⁰ Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (1999), *Sahih al-Bukhari*. Riyad: Dar al-Salam, hadis bilangan 1925 dan 1926; Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi (2005), *Sahih*

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصْبِحُ جُنُبًا مِنْ غَيْرِ حُلْمٍ ثُمَّ
يَصُومُ "

Maksudnya: "Rasulullah SAW pada suatu hari telah berpagi dalam keadaan berjunub bukan kerana bermimpi, kemudian baginda berpuasa."

Walaupun al-Quran tidak memperincikan secara nyata berkenaan persoalan orang yang memulakan ibadat puasa dalam keadaan berjunub sebagaimana tindakan Rasulullah SAW di atas, namun hukum mengenainya didapati sudah pun tersirat di dalam firman Allah S.W.T:

أُحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصَّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ...فَالَّذِينَ بَشَرُوهُنَّ
وَأَتَّبَعُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ
الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ...

Maksudnya: "Dihalalkan bagi kamu pada malam hari puasa bercampur (mengadakan hubungan kelamin) dengan isteri-isteri kamu ... maka sekarang campurilah isteri-isteri kamu dan carilah apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu; dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam) iaitu waktu fajar" (Surah al-Baqarah (2): 187).

Ayat di atas menjelaskan bahawa umat Islam diharuskan makan, minum dan bercampur dengan isteri di sepanjang waktu malam bulan Ramadan iaitu bermula dari waktu berbuka puasa sehingga keluar fajar *Sadiq* (masuk waktu Subuh). Apa yang tersirat di sebalik ketetapan ini ialah harus bagi umat Islam untuk memulakan puasa dalam keadaan berjunub sebagaimana yang telah dibuktikan oleh Rasulullah SAW secara praktikal.¹¹

Muslim, hadis bilangan 2584; *Sunan Abi Dawud*, hadis bilangan 2388 dan *Jami' al-Tirmizi*, hadis bilangan 779.

¹¹ Huraian berhubung cara membuat kesimpulan hukum seperti ini boleh didapati dalam perbincangan ilmu usul fiqh di bawah tajuk *Isyarat al-Nass*. Sebagai contoh, sila lihat: Dr. Abdul Karim Zaydan (1993), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah, h. 353-358.

Contoh yang kedua ialah berhubung pelaksanaan ibadat *sa'i*, di mana Rasulullah SAW telah bersabda (أَبْدَأُ بِمَا بَدَأَ اللَّهُ بِهِ) yang bermaksud: "Saya mulakan dengan apa yang dimulakan oleh Allah" lalu baginda mengerjakan *sa'i* bermula dari bukit Shafa.¹² Keputusan dan tindakan sedemikian adalah merujuk kepada firman Allah S.W.T:

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِن شَعَائِرِ اللَّهِ

Maksudnya: "Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian daripada lambang (agama) Allah". (Surah al-Baqarah (2): 158).

Contoh yang ketiga ialah berhubung cara bertayammum daripada hadas besar, di mana dalam satu riwayat,¹³ 'Ammar bin Yasir r.a (37H) telah melaporkan kepada Rasulullah SAW bahawa beliau telah berjunub semasa sedang bermusafir lalu bertayammum disebabkan ketiadaan air dengan cara berguling di dalam debu tanah kerana menggiyaskannya dengan mandi janabah yang perlu meratakan air pada seluruh badan. Mendengar tindakan tersebut, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa cara bertayammum kerana berhadask kecil dan berhadask besar adalah sama.

Setelah penelitian dilakukan terhadap kandungan nas-nas al-Quran, penjelasan Rasulullah SAW tersebut adalah bertepatan dengan firman Allah Taala:

وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُم مِّنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ

Maksudnya: "Dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air) atau dalam pelayaran atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu menyentuh perempuan sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi wajib), maka hendaklah kamu bertayammum dengan debu tanah yang bersih iaitu sapuluh muka dan kedua belah tangan kamu dengannya". (Surah al-Ma'idah (5): 6).

¹² Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi (2005), *op.cit*, hadis bilangan 2941.

¹³ Muhammad bin Ali al-Shawkani (1998), *Nayl al-Awtar*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, j. 1, h. 341.

Dalam ayat di atas, hanya satu cara bertayammum sahaja yang telah dinyatakan oleh Allah S.W.T sama ada kerana sakit atau kerana ketiadaan air tanpa membezakan di antara hadas kecil dan hadas besar. Secara tersiratnya, ayat di atas mengisyaratkan bahawa cara bertayammum kerana berhadask kecil dan juga kerana berhadask besar adalah sama.

Penjelasan di atas membuktikan bahawa dalam memperincikan hukum-hukum syarak, Rasulullah SAW telah merujuk kepada fakta-fakta dan peruntukan hukum yang terkandung di dalam al-Quran sama ada untuk diamalkan oleh baginda sendiri mahupun untuk menjawab sesuatu pertanyaan yang diajukan oleh para sahabat.

Memahami apa yang tersirat di sebalik metodologi ijtihad yang telah diasaskan oleh Rasulullah SAW inilah para fuqaha' mujtahidin telah menjadikannya sebagai landasan ijtihad yang muktabar khasnya dalam memperincikan sesuatu hukum fekah dari semasa ke semasa. Dalam ilmu *usul al-fiqh*, kaedah ijtihad berpandukan fakta-fakta hukum yang terkandung di dalam al-Qur'an telah diperincikan dalam pelbagai tajuk seperti *'ām*, *khāṣ*, *takhsīs*, *mushtarak*, *muṭlaq*, *muqayyad*, *amr*, *nahy*, *ḥaqīqah*, *majāz*, *ṣarīḥ*, *kināyah*, *zāhir*, *naṣṣ*, *mufassar*, *muḥkam*, *khafīy*, *mushkal*, *mujmal*, *mutashābih* dan *dilālāt*.¹⁴

2. Ijtihad Berasaskan Qiyas

Selain daripada berijtihad dengan cara mengambil kira fakta-fakta hukum yang terkandung di dalam nas-nas al-Quran yang terperinci, Rasulullah SAW turut berijtihad berasaskan kaedah *qiyas*. Di bawah ini ialah huraian ringkas berhubung konsep *qiyas* dan contoh ijtihad Rasulullah SAW berasaskan kaedah *qiyas*.

i. Qiyas Menurut Pengertian Bahasa Dan Istilah

Perkataan *qiyas* menurut pengertian bahasa bermaksud mengukur dan membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain.

Manakala menurut pengertian istilah, *qiyas* antara lainnya telah takrifkan sebagai:¹⁵

¹⁴ Dr. 'Abd al-Karim Zaydān (1993), *op. cit.*, h. 274-370.

¹⁵ *Ibid.*, h. 195.

تَسْوِيَةٌ وَاقِعَةٌ لَمْ يَرِدْ نَصٌّ بِحُكْمِهَا بِوَاقِعَةٍ وَرَدَّ النَّصُّ بِحُكْمِهَا فِي
الْحُكْمِ الْمَنْصُوصِ عَلَيْهِ لِتَسَاوِيِ الْوَاقِعَتَيْنِ فِي عِلَّةِ الْحُكْمِ.

Maksudnya: "Menyamakan hukum bagi perkara yang tidak ada nas hukum mengenainya dengan perkara yang telah dinaskan hukumnya kerana kedua-dua perkara berkenaan mempunyai persamaan 'illah hukum".

Apa yang perlu difahami daripada konsep *qiyas* di atas ialah syarak kadang-kadang menetapkan nas hukum yang tertentu berhubung sesuatu perkara (yang dinamakan sebagai *al-Asl* atau masalah asal) dan seseorang mujtahid mengetahui 'illah (alasan) tertentu kenapa hukum berkenaan ditetapkan oleh syarak (yang dinamakan sebagai 'illah *al-Hukm*).

Kemudian terdapat peristiwa lain yang tidak ditetapkan hukum mengenainya melalui nas syarak yang tertentu. Persoalan yang baru dihadapi itu didapati mempunyai 'illah (alasan) hukum yang sama dengan 'illah hukum bagi masalah asal yang telah dinaskan hukumnya oleh syarak. Masalah baru itu dikenali sebagai cabang hukum (*al-Far'u*) kepada masalah asal (*al-Asl*).

Berasaskan faktor wujudnya persamaan 'illah hukum itulah, seseorang mujtahid menetapkan bahawa hukum bagi persoalan yang baru dihadapi itu adalah sama seperti hukum yang telah ditetapkan oleh syarak kepada masalah asal sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah. Inilah yang dikatakan sebagai konsep *qiyas* dalam membuat perbandingan dan penyamaan hukum di antara masalah baru dengan masalah asal.¹⁶

Setiap kegiatan berijtihad dengan menggunakan kaedah *qiyas* perlu memenuhi empat rukun yang berikut:¹⁷

- a. *Al-Asl* (الأصل) iaitu masalah asal yang terdapat nas hukum mengenainya di dalam al-Quran atau al-Sunnah. Masalah asal ini dinamakan sebagai *al-Maqis 'alayh* (المقيس عليه). Contoh masalah asal ialah tindakan seseorang pewaris melakukan

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*, h. 196.

pembunuhan ke atas warisnya sebagaimana yang terkandung di dalam sabda Rasulullah SAW:¹⁸

لَيْسَ لِقَاتِلٍ مِيرَاثٌ

Maksudnya: “Tiada suatu pun bahagian harta pusaka yang berhak diterima oleh pembunuh (yang membunuh waris berkenaan)”.

- b. *Hukm al-Asl* (حُكْمُ الْأَصْلِ) iaitu hukum syarak yang telah ditetapkan ke atas sesuatu *masalah asal*. Berkenaan hukum bagi masalah asal di atas, Rasulullah SAW telah menetapkan bahawa seseorang pewaris yang bertindak membunuh warisnya adalah terhalang daripada mempusakai harta-benda peninggalan waris berkenaan.
- c. *Al-'Illah* (الْعِلَّةُ) iaitu suatu sifat tertentu yang wujud pada *masalah asal* (الْأَصْلُ), di mana disebabkan kewujudan sifat itulah syarak telah menetapkan hukum yang tertentu kepada *masalah asal* berkenaan.¹⁹ 'illah hukum bagi *masalah asal* di atas ialah perbuatan melakukan pembunuhan sengaja yang diharamkan oleh syarak (الْقَتْلُ الْعَمْدُ الْعُدْوَانُ) atau tindakan melakukan sesuatu sebelum tiba masanya dengan cara melakukan jenayah (اِسْتَعْجَالُ الشَّيْءِ قَبْلَ اَوَانِهِ بِطَرِيقَةِ الْاِجْرَامِ) sebagai cara untuk segera mempusakai harta mangsa bunuh berkenaan sebelum tiba ajalnya secara normal.
- d. *Al-Far'u* (الْفَرْعُ) iaitu *masalah baru* (yang merupakan cabang bagi *masalah asal*) yang tiada nas hukum mengenainya dan masalah berkenaan mahu ditetapkan hukum syarak ke atasnya sama seperti hukum bagi *masalah asal* (الْأَصْلُ) dengan

¹⁸ Muhammad bin Yazid al-Qazwini (2008), *Sunan Ibn Majah* (cetakan kedua). Riyad: Maktabah al-Ma'rifah, hadis bilangan 2646.

¹⁹ Pendapat yang mengatakan bahawa segala perbuatan dan hukum-hukum yang ditentukan oleh Allah S.W.T adalah mempunyai 'illah, hikmah dan kemaslahatan yang tertentu telah dipelopori oleh golongan salaf, kebanyakan pengikut imam-imam empat mazhab, kebanyakan ahli-ahli hadis dan ahli-ahli tafsir serta ahli-ahli falsafah yang terdahulu dan terkemudian. Sila lihat: Ibn Taymiyyah (t.t), *Minhaj al-Sunnah al-Nubawiyah fi Naqid Kalam al-Shi'ah wa al-Qadariyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 1, h. 455.

menggunakan kaedah *qiyas*. Contoh *masalah baru* yang menjadi cabang bagi *masalah asal* di atas ialah kes seorang pemegang wasiat melakukan pembunuhan ke atas orang yang memberi wasiat kepadanya. *Masalah baru* ini dinamakan sebagai *al-Maqis* (المَقِيسُ) iaitu masalah baru yang diqiyaskan dengan masalah asal.

Kegiatan berijtihad dengan menggunakan kaedah *qiyas* dalam penentuan hukum ke atas *masalah baru* yang tiada sebarang nas hukum yang khusus mengenainya hanya boleh dilakukan apabila sifat yang wujud pada *masalah asal* (الأَصْلُ) itu didapati wujud juga pada *masalah baru* (الْفَرْع).²⁰

ii. Contoh Ijtihad Rasulullah SAW Berasaskan Konsep *Qiyas*

Memahami konsep *qiyas* menurut pengertian istilah di atas, maka sebagaimana ijtihad yang diusahakan oleh fuqaha' mujtahidin, ijtihad Rasulullah SAW berasaskan kaedah *qiyas* juga perlu memenuhi empat rukun *qiyas* sebagaimana yang telah diuraikan.

Bagaimanapun terdapat satu perbezaan yang paling ketara di antara ijtihad Rasulullah SAW berasaskan kaedah *qiyas* berbanding ijtihad fuqaha' mujtahidin berasaskan kaedah *qiyas* iaitu Rasulullah SAW hanya mengqiyaskan sesuatu hukum berpandukan nas al-Quran sahaja, manakala fuqaha' mujtahidin pula mengqiyaskan sesuatu hukum berpandukan nas-nas al-Quran dan juga berpandukan al-Sunnah.

Di antara contoh ijtihad Rasulullah SAW berasaskan kaedah *qiyas* ialah larangan Rasulullah SAW ke atas setiap lelaki daripada mempoligamkan seseorang perempuan bersama dengan ibu saudara perempuan berkenaan sama ada ibu saudara dari sebelah bapa mahupun ibu saudara dari sebelah ibu.²¹

²⁰ Hukum yang ditetapkan ke atas *masalah baru* dengan menggunakan kaedah *qiyas* adalah tidak termasuk di dalam rukun-rukun *qiyas* kerana ia merupakan buah atau hasil daripada proses berijtihad berasaskan kaedah *qiyas* itu sendiri. Sila lihat: Dr. 'Abd al-Karim Zaydan (1993), *op. cit.*, h. 197.

²¹ Sebenarnya agak sukar untuk kita mengemukakan contoh-contoh yang konkrit berhubung ijtihad Rasulullah SAW berasaskan kaedah *qiyas* kerana ia perlu memenuhi empat rukun *qiyas* sebagaimana yang telah diuraikan oleh ulama *Usul al-Fiqh*.

Larangan Rasulullah SAW berhubung masalah di atas adalah merujuk kepada nas al-Quran yang secara *qat'i* telah mengharamkan golongan lelaki daripada mengahwini dua orang adik beradik perempuan dalam satu masa sekali gus sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ

Maksudnya: "Dan (diharamkan juga) kamu menghimpunkan dua adik beradik perempuan (untuk menjadi isteri-isteri kamu dalam satu masa sekali gus) ...". (Surah al-Nisa' (4): 23).

Menurut kajian fuqaha', 'illah (alasan) di sebalik larangan Allah S.W.T di dalam ayat di atas ialah untuk memastikan tidak terputusnya hubungan silaturahim di antara ahli keluarga yang terdekat. Ini kerana telah diketahui umum bahawa salah satu daripada asam garam daripada amalan berpoligami ialah ada kemungkinan besar berlakunya perseteruan di antara sesama isteri. Jika perseteruan tersebut benar-benar berlaku, ia boleh membawa padah yang agak besar iaitu boleh merebak menjadi perbalahan dan memutuskan hubungan silaturahim di antara sesama adik beradik sebagai ahli keluarga yang terdekat.

Selaras dengan larangan Allah S.W.T melalui nas al-Quran di atas, Imam al-Shatibi (790H)²² menjelaskan bahawa di antara hukum yang telah diqiyaskan oleh Rasulullah SAW dengan nas al-Quran di atas ialah baginda telah mengharamkan golongan lelaki daripada mempoligamkan seseorang perempuan bersama dengan ibu saudaranya sebagaimana sabda baginda:²³

لَا تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ عَلَى عَمَّتِهَا وَلَا عَلَى خَالَتِهَا

Maksudnya: "Tidak boleh dikahwini seseorang perempuan bersama dengan ibu saudaranya dari sebelah bapa mahupun ibu saudaranya dari sebelah ibu".

Berhubung 'illah (alasan) kepada larangan Rasulullah SAW di atas, Imam al-Shatibi menyatakan bahawa telah diriwayatkan bahawa

²² Ibrahim bin Musa al-Shatibi (t.t), *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah* (ed. al-Shaykh 'Abdullah Darraz). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 4, h. 24 dan 31.

²³ Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi (2005), *op. cit.*, hadis bilangan 3426.

baginda sendiri telah memberikan alasan kepada larangan berkenaan melalui sabda baginda:²⁴

فَإِنَّكُمْ إِذَا فَعَلْتُمْ ذَلِكَ قَطَعْتُمْ أَرْحَامَكُمْ

Maksudnya: "Kerana sesungguhnya jika kamu berbuat demikian, bermakna kamu telah memutuskan hubungan silaturahim di kalangan kamu".

Oleh kerana 'illah inilah yang wujud secara tersirat di sebalik larangan Allah S.W.T ke atas golongan lelaki daripada mengahwini dua orang adik beradik perempuan dalam satu masa sekali gus sebagaimana yang terkandung di dalam ayat 23 dari surah al-Nisa' di atas, maka Imam al-Shatibi telah menyimpulkan bahawa tindakan mepoligamikan seseorang perempuan bersama ibu saudaranya telah dilarang (diharamkan) oleh Rasulullah SAW berasaskan kaedah *qiyas* (menyamakannya) dengan larangan (pengharaman) yang telah dinaskan secara *qat'i* (muktamad) oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran.

Kesimpulannya, selain daripada berijtihad dengan mengambilkira fakta-fakta yang terkandung di dalam nas-nas al-Quran yang terperinci, Rasulullah SAW turut berijtihad berasaskan kaedah *qiyas* iaitu dalam usaha baginda untuk mengembangluaskan lagi penghayatan terhadap falsafah sesuatu hukum syarak yang telah dinaskan di dalam al-Quran.

iii. Fatwa Rasulullah SAW Berasaskan Konsep *Qiyas*

Menurut pengertian bahasa, perkataan *fatwā* telah diertikan sebagai sesuatu hukum yang difatwakan oleh seseorang *faqīh* (mujtahid)²⁵ atau jawapan terhadap sesuatu perkara yang berlaku.²⁶

Manakala menurut pengertian istilah pula, Dr. Yusuf al-Qaradāwī mentakrifkan *fatwa* sebagai:²⁷

²⁴ Frasa hadis di atas telah dinukilkan oleh Imam al-Shatibi di dalam kitabnya *al-Muwafaqat*, j. 4, h. 31.

²⁵ Muhammad ibn Ya'qūb al-Fayrūz Ābādī (1997), *al-Qānūn al-Muḥīṭ* (ed. Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Mar'ashli). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j. 4, h. 373 dan Dr. Ahmad Muhammad Malījī (1984), *al-Nizām al-Qaḍā' al-Islāmī*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 59.

²⁶ Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (1992), *al-Fatwā Bayn al-Inḍibā' wa al-Tasayyub* (cetakan ketiga). Kaherah: Dar al-Sahwah, h. 11.

²⁷ Ibid.

بَيَانُ الْحُكْمِ الشَّرْعِيِّ فِي قَضِيَّةٍ مِنَ الْقَضَايَا جَوَابًا عَنْ سُؤَالٍ سَائِلٍ

Maksudnya: "Menerangkan hukum syarak berkenaan sesuatu persoalan yang berlaku sebagai jawapan kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh seseorang".

Sehubungan ini, beberapa orang sarjana hukum seperti Dr. Idris Darrar Bashir,²⁸ Dr. Nadiyah Sharif al-'Umariy²⁹ dan Dr. Wahbah al-Zuhayli³⁰ telah menyenaraikan beberapa persoalan yang telah difatwakan oleh Rasulullah SAW sebagai ijtihad baginda berasaskan konsep *qiyas*. Di antara persoalan-persoalan yang dimaksudkan ialah:

a. Fatwa Rasulullah SAW Berkenaan Pertanyaan Seorang Sahabat Untuk Mengerjakan Ibadat Puasa Bagi Pihak Ibunya Yang Meninggal Dunia

Di antara contoh hukum yang telah difatwakan oleh Rasulullah SAW berasaskan konsep *qiyas* ialah jawapan yang diberikan oleh baginda kepada beberapa orang sahabat yang bertanyakan kepada baginda bahawa mereka mahu mengerjakan puasa wajib dan puasa nazar bagi pihak ibubapanya yang meninggal dunia sebelum sempat mengerjakan puasa berkenaan. Sehubungan ini, 'Abdullah bin 'Abbas r.a (68H) telah meriwayatkan:³¹

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنَّ أُمِّي مَاتَتْ وَعَلَيْهَا صَوْمُ شَهْرٍ، أَفَأَقْضِيهِ عَنْهَا؟ فَقَالَ: (لَوْ كَانَ عَلَى أُمِّكَ دَيْنٌ أَكُنْتَ قَاضِيَهُ عَنْهَا؟) قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: (فَدَيْنُ اللَّهِ أَحَقُّ أَنْ يُقْضَى).

Maksudnya: "Seorang lelaki telah datang menemui Rasulullah SAW lalu bertanya: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya ibu saya telah meninggal dunia sedang dia menanggung puasa Ramadan. Bolehkan saya berpuasa bagi pihaknya?". Baginda bersabda: "Sekiranya ibu anda menanggung hutang, adakah anda akan membayar bagi

²⁸ Dr. Idris Jumu'ah Darrar Bashir (t.t), *al-Ra'y wa Atharuh fi al-Fiqh al-Islami*, h. 76-77.

²⁹ Dr. Nadiyah Sharif al-'Umari (1985), *Ijtihad al-Rasul SAW* (cetakan ketiga). Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h. 202-203.

³⁰ Dr. Wahbah al-Zuhayli (1986), *Usul al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Fikr, j. 1, h. 625.

³¹ Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi, (2005) *op. cit.*, hadis bilangan 2689.

pihaknya?”. Lelaki itu menjawab: “Ya”. Baginda bersabda: “Maka hutang Allah adalah lebih berhak untuk disempurnakan”.

‘Abdullah bin ‘Abbas r.a juga meriwayatkan:³²

أَنَّ امْرَأَةً أَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: إِنَّ أُمِّي مَاتَتْ وَعَلَيْهَا صَوْمُ شَهْرٍ، فَقَالَ: (أَرَأَيْتَ لَوْ كَانَ عَلَيْهَا دَيْنٌ، أَكُنْتَ تَقْضِيهِ؟) قَالَتْ: نَعَمْ، قَالَ: (فَدَيْنُ اللَّهِ أَحَقُّ بِالْقَضَاءِ).

Maksudnya: “Seorang perempuan telah datang menemui Rasulullah lalu bertanya: “Sesungguhnya ibu saya telah meninggal dunia sedang dia menanggung puasa Ramadan”. Rasulullah bersabda: “Apa pendapat anda sekiranya dia menanggung hutang, adakah anda akan membayarnya?”. Perempuan itu menjawab: “Ya”. Baginda bersabda: “Maka hutang Allah itu adalah lebih berhak untuk disempurnakan”.

Selain daripada riwayat di atas, Ibn ‘Abbas r.a juga telah meriwayatkan:³³

جَاءَتْ امْرَأَةٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أُمِّي مَاتَتْ وَعَلَيْهَا صَوْمٌ نَذَرٍ، أَفَأَصُومُ عَنْهَا؟ قَالَ: (أَرَأَيْتَ لَوْ كَانَ عَلَى أُمِّكَ دَيْنٌ فَقَضَيْتِهِ، أَكَانَ ذَلِكَ يُؤَدِّي عَنْهَا؟) قَالَتْ: نَعَمْ، قَالَ: (فَصُومِي عَنْ أُمِّكَ).

Maksudnya: “Seorang perempuan telah datang menemui Rasulullah SAW lalu bertanya: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya ibu saya telah meninggal dunia sedang beliau menanggung puasa nazar. Adakah saya boleh berpuasa bagi pihaknya?”. Baginda bersabda: “Apakah anda fikir sekiranya ibu anda menanggung hutang lalu anda menjelaskannya, adakah ia dikira sebagai telah dijelaskan?”. Perempuan itu menjawab: “Ya”. Baginda bersabda: “Justeru itu, berpuasalah bagi pihak ibu anda”.

³² *Ibid.*, hadis bilangan 2688.

³³ *Ibid.*, hadis bilangan 2691.

Hadis-hadis di atas menjelaskan bahwa kebenaran yang telah diberikan oleh Rasulullah SAW kepada seseorang anak sama ada lelaki mahupun perempuan untuk menggantikan puasa Ramadan dan puasa nazar bagi pihak ibu mereka yang meninggal dunia sebelum sempat menyempurnakan puasa berkenaan telah diputuskan dengan ijtihad baginda, di mana baginda telah mengqiyaskan (menyamakan) kewajiban membayar hutang kepada Allah S.W.T dengan kewajiban membayar hutang kepada seseorang manusia.

b. Fatwa Rasulullah SAW Berkenaan Kesediaan Anak Untuk Mengerjakan Ibadat Haji Bagi Pihak Ibunya Yang Meninggal Dunia

Rasulullah SAW telah memberikan keizinan kepada seorang perempuan untuk mengerjakan haji bagi pihak ibunya sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abdullah bin Buraydah bin al-Husayb (16-115H)³⁴ daripada bapanya yang menjelaskan:³⁵

بَيْنَا أَنَا جَالِسٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ أَتَتْهُ امْرَأَةٌ
فَقَالَتْ: إِنِّي تَصَدَّقْتُ عَلَى أُمِّي بِجَارِيَةٍ وَإِلَيْهَا مَاتَتْ، قَالَ: (وَجَبَ
أَجْرُكَ ...). قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنَّهُ كَانَ عَلَيْهَا صَوْمٌ شَهْرٍ،
أَفَأَصُومُ عَنْهَا؟ قَالَ: (صُومِي عَنْهَا) قَالَ: إِنَّهَا لَمْ تَحُجَّ قَطُّ،
أَفَأَحُجُّ عَنْهَا؟ قَالَ: (حُجِّي عَنْهَا)

Maksudnya: "Ketika saya (Buraydah r.a) sedang duduk di sisi Rasulullah SAW tiba-tiba datang seorang perempuan lalu berkata: "Saya telah bersedekah untuk ibu saya dengan membebaskan seorang hamba padahal ibu saya sudah meninggal dunia". Rasulullah bersabda: "(Ibu anda) pasti mendapat pahala (sedekah) anda ...". Perempuan itu berkata lagi: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya ibu saya menanggung kewajiban berpuasa di bulan Ramadan, apakah saya boleh berpuasa bagi pihaknya?". Baginda menjawab: "Berpuasalah bagi pihaknya". Perempuan itu berkata lagi: "Sesungguhnya ibu saya tidak pernah mengerjakan haji, bolehkan saya

³⁴ Muhammad Ibn Hibban (1991), *Mashahir 'Ulama' al-Amshar wa A'lam Fuqaha' al-Aqthar* (ed. Marzuq 'Ali Ibrahim). Al-Mansurah: Dar al-Wafa', h. 202.

³⁵ Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburiy (2005), *op. cit.*, hadis bilangan 2692.

*mengerjakan haji bagi pihaknya?”. Baginda menjawab:
“Kerjakanlah haji bagi pihaknya (ibu anda)”.*

Hadis di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah membanding dan menyamakan hak-hak Allah S.W.T dengan hak-hak hamba, di mana sebagaimana orang yang berhutang wajib membayar hutang-piutangnya kepada sesama manusia maka demikian juga hutang seseorang hamba kepada Allah S.W.T adalah wajib dibayar. Bahkan baginda menjelaskan bahawa hutang kepada Allah S.W.T adalah lebih berhak untuk dibayar berbanding hutang kepada sesama manusia.

c. Fatwa Rasulullah SAW Berkenaan Suami Yang Sedang Berpuasa Mencium Isterinya

Berkenaan fatwa Rasulullah SAW berkenaan hukum seorang suami yang berpuasa mencium isterinya, telah diriwayatkan bahawa sayidina Umar bin al-Khattab r.a telah melaporkan kepada Rasulullah SAW:

صَعْتُ الْيَوْمَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَمْرًا عَظِيمًا، قَبَلْتُ وَأَنَا صَائِمٌ.

Maksudnya: “Wahai Rasulullah! Pada hari ini saya telah melakukan satu perbuatan yang sangat besar (kemudaratanya). Saya telah mencium (isteri) ketika saya sedang berpuasa”.

Mendengar kata-kata tersebut, Rasulullah SAW terus bersabda kepada ‘Umar bin al-Khattab r.a.³⁶

أَرَأَيْتَ لَوْ مَضْمَضْتَ مِنَ الْمَاءِ وَأَنْتَ صَائِمٌ؟

Maksudnya: “Apakah pendapat anda sekiranya anda berkumur-kumur dengan air (tanpa meminumnya) ketika anda sedang berpuasa?”

Setelah Umar r.a menjawab pertanyaan baginda dengan mengatakan bahawa tiada apa-apa kemudaran daripadanya, Rasulullah SAW terus bersabda: (فَمَدَّ): “Maka kenapakah anda perlu berdukacita dan bersikap ragu-ragu terhadap tindakan mencium isteri semasa berpuasa?”.

³⁶ Sulayman bin al-Ash'ath, Abu Dawud (1999), *op. cit.*, hadis bilangan 2385.

Melalui jawapan di atas, Rasulullah SAW telah menyamakan perbuatan mencium isteri yang merupakan permulaan kepada hubungan kelamin dengan perbuatan memasukkan air ke dalam mulut yang merupakan permulaan kepada perbuatan meminum air,³⁷ di mana sebagaimana perbuatan berkumur-kumur tanpa meminum air berkenaan tidak membatalkan puasa, maka demikian juga perbuatan mencium isteri semata-mata tanpa disertakan dengan tindakan mengadakan hubungan kelamin adalah tidak membatalkan puasa.

d. Fatwa Rasulullah SAW Berhubung Seorang Suami Yang Meragui Kesahihan Nasab Anak Yang Baru Dilahirkan Oleh Isterinya

Telah diriwayatkan bahawa seorang lelaki telah datang menemui Rasulullah SAW lalu membuat aduan tentang keraguan yang terbuku di dalam hatinya berkenaan nasab keturunan seorang bayi lelaki yang dilahirkan oleh isterinya kerana kulit bayi tersebut berwarna hitam. Sehubungan itu, Imam al-Bukhariy telah meriwayatkan hadis berikut:³⁸

أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! وَلَدٌ لِي غُلَامٌ أَسْوَدُ، فَقَالَ: هَلْ لَكَ مِنْ إِبِلٍ؟ قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: مَا أَلْوَانُهَا؟ قَالَ: حُمْرٌ، قَالَ: هَلْ فِيهَا مِنْ أَوْرَقٍ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: فَأَتَى ذَلِكَ؟ قَالَ: لَعَلَّ نَرْعَهُ عَرَقًا، قَالَ: فَلَعَلَّ ابْنُكَ هَذَا نَرْعُهُ

Maksudnya: "Bahawa seorang lelaki telah datang kepada Nabi (Muhammad) SAW lalu berkata: "Wahai Rasulullah! Telah dilahirkan untuk saya seorang bayi lelaki yang berkulit hitam". Maka baginda bertanya: "Adakah engkau mempunyai unta?". Lelaki itu menjawab: "Ya". Baginda bertanya: "Apa warnanya?". Jawab lelaki itu: "Merah". Baginda bertanya: "Adakah engkau memiliki unta merah yang terdapat warna hitam pada badannya?". Lelaki itu menjawab: "Ya". Baginda bertanya lagi: "Dari manakah datangnya warna hitam itu?". Lelaki itu menjawab: "Boleh jadi daripada baka keturunannya". Lantas baginda bersabda: "Kanak-kanak ini pun mungkin berasal daripada baka keturunannya juga".

Jawapan yang diberikan oleh Rasulullah SAW di atas adalah bertujuan untuk menghilangkan kemusykilan dan keraguan yang terbuku

³⁷ Dr. Wahbah al-Zuhayli (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 625-626.

³⁸ Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (1999), *op. cit.*, hadis bilangan 5305.

di hati sahabat yang telah mengemukakan persoalan di atas iaitu dengan membuat suatu bentuk analogi (perbandingan) dan penyamaan (*qiyas*) yang boleh memuaskan hati lelaki berkenaan.

Konsep *qiyas* seumpama inilah yang terkandung di sebalik fatwa Rasulullah SAW apabila baginda ditanya berkenaan keinginan seseorang anak untuk berpuasa bagi pihak ibunya yang telah meninggal dunia sebagaimana yang telah dinyatakan melalui contoh yang pertama di atas, di mana baginda telah memberikan jawapan dengan membuat perbandingan dengan persoalan lain yang mempunyai persamaan dengannya iaitu sebagaimana ibu yang meninggal dunia sebelum sempat membayar hutangnya kepada sesama manusia wajar dibayar oleh seseorang anak bagi pihak ibu berkenaan, maka demikian juga kewajipan berpuasa yang menjadi hutang seseorang ibu kepada Allah S.W.T adalah wajar dibayar bahkan lebih berhak untuk dibayar oleh seseorang anak bagi pihak ibunya yang telah meninggal dunia.

Pada pandangan penulis, oleh kerana jawapan Rasulullah SAW kepada persoalan-persoalan yang telah disenaraikan di atas tidak memenuhi salah satu daripada empat rukun *qiyas* sebagaimana yang telah dihuraikan iaitu ia tidak merujuk kepada sesuatu hukum asal yang terkandung di dalam nas al-Quran yang tertentu, maka kenyataan para sarjana hukum bahawa setiap jawapan di atas merupakan ijtihad Rasulullah SAW berasaskan konsep *qiyas* adalah perlu dikategorikan sebagai ijtihad atau fatwa-fatwa Rasulullah SAW berasaskan konsep *qiyas* menurut pengertian bahasa, bukannya berasaskan konsep *qiyas* menurut pengertian istilah. Ini kerana apa yang zahir daripada fatwa-fatwa baginda berhubung masalah-masalah di atas adalah bertujuan untuk membuat perbandingan dan persamaan di antara masalah yang ditanya dengan masalah lain yang telah pun diketahui hukumnya. Ini kerana dengan membuat analogi (perbandingan) sedemikian, sahabat yang bertanya itu dapat memahami hukum bagi masalah yang ditanya itu dengan lebih cepat dan memuaskan.

3. Ijtihad Berasaskan Prinsip Umum Syariah

Selain daripada berijtihad berpandukan fakta-fakta hukum yang sedia terkandung di dalam nas-nas al-Quran yang terperinci dan juga berasaskan kaedah *qiyas* berpandukan nas al-Quran, Rasulullah SAW turut berijtihad berpandukan beberapa prinsip umum syariah seperti prinsip tiada kesempitan, prinsip memelihara kemaslahatan umum, prinsip *Sadd al-*

Zara'i' dan prinsip mengambilkira 'uruf yang baik di kalangan masyarakat.³⁹

i. Prinsip Tiada Kesempitan

Di antara ijtihad Rasulullah SAW berasaskan prinsip tiada kesempitan (عَدَمُ الْحَرَجِ) ialah apa yang terkandung di dalam sabda baginda yang berikut:⁴⁰

لَوْ لَا أَن أَشَقَّ عَلَى أُمَّتِي لَأَمَرْتُهُمْ بِالسَّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ

Maksudnya: "Kalaupun aku tidak bimbang akan menyebabkan timbulnya kesukaran ke atas umatku tentulah aku akan perintahkan mereka bersuci pada setiap kali akan mengerjakan solat".

Hadis di atas menjelaskan bahawa pada asasnya Rasulullah SAW mahu memerintahkan sekalian umat baginda supaya bersuci pada setiap kali mereka mahu mengerjakan solat (fardu). Namun selaras dengan prinsip tiada kesempitan dalam pensyariatkan hukum-hukum Islam, Baginda tidak bersedia mengeluarkan arahan berkenaan memandangkan ia dibimbangi akan menimbulkan kesukaran ke atas umat baginda.⁴¹

³⁹ Muhammad Salam Madkur (1955), *al-Fiqh al-Islami 1* (cetakan kedua). Kaherah: Maktabah 'Abd Allah Wahbah, h. 37-38; Muhammad Yusuf Musa (1958), *al-Fiqh al-Islami: Mudkhal li Dirasah Nizam al-Mu'amalat fih* (cetakan ketiga). Kaherah: Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 115-125; Badran (t.t), *Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabi, h. 222-234 dan Dr. Yusuf al-Qaradawi (1989), *al-Khasa'is al-'Ammah li al-Islam* (cetakan keempat). Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 7-240.

⁴⁰ Muhammad bin Ismail al-Bukhariy (1999), *op. cit.*, hadis bilangan 47 dan Ahmad bin Shu'ayb al-Nasa'i (2002), *Sunan al-Nasa'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hadis bilangan 7.

⁴¹ Berpandukan hadis di atas, ramai fuqaha' yang berpendapat bahawa bersuci di sepanjang hari pada bulan Ramadan adalah sunat kerana hadis di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW sebenarnya sangat menyukai sekiranya umat baginda bersuci sebelum setiap kali mengerjakan solat tanpa membezakan di antara bulan Ramadan dengan bulan-bulan yang lain. Apa yang menarik ialah Imam al-Tirmiziy menjelaskan: «وَلَمْ يَرِ الشَّافِعِيُّ بِالسَّوَاكِ بَأْسًا أَوَّلَ النَّهَارِ وَآخِرَهُ، وَحِكْمُهُ أَحْمَدُ وَإِسْحَاقُ السَّوَاكِ آخِرَ النَّهَارِ». Maksudnya: "Imam al-Shafi'i tidak pernah memandang bermasalah terhadap tindakan bersuci (bagi orang yang berpuasa) pada waktu pagi mahupun pada waktu petang. Imam Ahmad dan Ishaq pula memakruhkan bersuci pada waktu petang". Sila lihat komentar ini berikutan hadis bilangan 725 di dalam: Muhammad bin 'Isa al-Tirmiziy (1999), *Jami' al-Tirmizi*. Riyad: Dar al-Salam, h. 184. Bagaimanapun, kenyataan Imam al-Tirmizi di atas sangat berbeza dengan fakta yang terkandung di dalam kitab *al-Umm* yang menjelaskan bahawa Imam al-Shafi'i sememangnya berpendapat bahawa bersuci selepas waktu zohor adalah makruh bagi orang yang berpuasa. Sila lihat: Muhammad bin Idris al-Shafi'i (2000), *Mawsu'ah al-Imam al-Shafi'i*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j. 2, h. 410.

Sikap baginda di atas sangat bertepatan dengan prinsip tiada kesempitan yang terkandung di dalam al-Quran dalam penentuan hukum sama ada yang melibatkan masalah ibadat dan muamalat mahupun dalam masalah *munakahat* dan *jinayat*.

Berkenaan solat lima waktu yang boleh dikerjakan dalam masa beberapa minit sahaja contohnya, Allah S.W.T telah memperuntukkan masa yang begitu panjang dan luas untuk memberikan keringanan kepada umat Islam dalam menyempurnakannya. Selain itu, syarak mengharuskan kepada orang sakit untuk bertayammum dan mengerjakan solat secara duduk atau baring. Manakala orang yang bermusafir pula diharuskan bersolat secara qasar⁴² dan jamak.

Ibadat puasa pula hanya difardukan selama sebulan sahaja dalam setahun. Pada sepanjang waktu malam pula orang yang berpuasa dibenarkan makan, minum dan mengadakan hubungan kelamin secara halal.⁴³ Di samping itu, syarak telah memberikan keizinan kepada individu-individu yang sakit, berumur terlalu tua, bermusafir, mengandung atau kerana menyususkan anak untuk tidak berpuasa pada bulan Ramadan.

Prinsip tiada kesempitan dalam penentuan hukum turut direalisasikan ke atas golongan yang mempunyai sebarang faktor kekurangan (*al-Naqs*) yang diperakui oleh syarak seperti berusia kanak-kanak, tergolong sebagai orang perempuan, hamba sahaya, orang-orang yang cacat anggota atau gila. Orang yang cacat anggota contohnya telah dikecualikan daripada kewajipan berperang di jalan Allah.⁴⁴ Manakala golongan perempuan pula tidak diwajibkan oleh syarak dengan perintah solat berjemaah, solat Jumaat, berjihad, membayar jizyah dan beberapa kewajipan lain sebagaimana yang telah ditaklifkan ke atas golongan lelaki.⁴⁵

ii. Prinsip Memelihara Kemaslahatan Umum

Berasaskan prinsip memelihara kemaslahatan umum, Rasulullah SAW pernah memerintahkan para sahabat supaya menghabiskan daging korban dalam masa tiga hari sahaja. Pada kebiasaannya para sahabat r.a memakan daging korban sedikit demi sedikit dan menyimpannya dalam masa yang

⁴² Al-Quran, surah al-Nisa' (4): 101.

⁴³ Al-Quran, surah al-Baqarah (2): 184-185 dan 187.

⁴⁴ Al-Quran, surah al-Fath (48): 17.

⁴⁵ Al-Suyuti (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 161.

agak lama sebagai bekalan makanan harian mereka. Bagaimanapun, pada suatu hari raya korban, bandar Madinah telah dilawati oleh ramai para pengunjung dari pelbagai kabilah Arab khasnya dari kalangan mereka yang miskin dan memerlukan makanan. Justeru itulah Rasulullah SAW telah mengeluarkan arahan berkenaan pada hari raya haji tahun tersebut.

Berhubung perintah tersebut, Imam Malik (93-179H) telah meriwayatkan sebuah hadis yang bersumber daripada Aishah r.a (58H):⁴⁶

دَفَّ نَاسٌ مِنْ أَهْلِ الْبَادِيَةِ حَضْرَةَ الْأَضْحَى فِي زَمَنِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (ادْخَرُوا لثَلَاثَ، وَتَصَدَّقُوا بِمَا بَقِيَ). قَالَتْ: فَلَمَّا كَانَ بَعْدَ ذَلِكَ، قِيلَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَقَدْ كَانَ النَّاسُ يَنْتَفِعُونَ بِضَحَايَاهُمْ، وَيَجْمَلُونَ مِنْهَا الْوَدَكَ، وَيَتَّخِذُونَ مِنْهَا الْأَسْقِيَةَ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ: (وَمَا ذَلِكَ؟). قَالُوا: نَهَيْتَ عَنْ لُحُومِ الضَّحَايَا بَعْدَ ثَلَاثَ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (إِنَّمَا نَهَيْتُكُمْ مِنْ أَجْلِ الدَّافَةِ الَّتِي دَفَّتْ عَلَيْكُمْ، فَكُلُوا وَتَصَدَّقُوا وَادْخَرُوا)

Maksudnya: "Telah datang (ke Madinah) satu kumpulan penduduk kampung pada hari raya korban di zaman Rasulullah SAW lalu baginda bersabda: "Simpanlah (daging korban) untuk (dijadikan bekalan makanan dalam) tempoh tiga hari sahaja dan bersedekahlah (daging korban) yang selebihnya". 'A'ishah r.a berkata: "Pada tahun yang berikutnya, telah dikatakan kepada Rasulullah SAW: "Sesungguhnya orang ramai selalu mengambil manfaat daripada binatang-binatang korban mereka, mereka mencairkan lemak-lemak dagingnya (untuk dijadikan minyak yang boleh digunakan dalam tempoh yang lama) dan mereka juga membuat timba-timba daripada (kulit) binatang-binatang korban berkenaan". Rasulullah SAW bersabda: "Apa masalah yang tak kena daripada tindakan itu?". Mereka menjawab: "Tuan (Rasulullah SAW) telah melarang (kami) daripada menyimpan daging-daging binatang korban selepas tiga

⁴⁶ Malik bin Anas (t.t), *al-Muwatta'* (ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi). Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, j. 2, h. 484-485. [Lihat juga: *Sahih Mustim*, hadis bilangan 5076].

hari". Lantas Rasulullah SAW bersabda: "Sebenarnya saya telah melarang kamu (daripada menyimpan daging-daging binatang korban melebihi tempoh tiga hari pada tahun yang lalu) adalah kerana terdapat daffah (orang-orang Arab yang miskin) yang datang kepada kamu (untuk mendapatkan pertolongan).⁴⁷ (Adapun sekarang) maka makanlah, bersedekahlah dan simpanlah".

Manakala Imam Muslim (204-261H) pula meriwayatkan sebuah hadis yang bersumber daripada Salamah bin al-Akwa':⁴⁸

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (مَنْ ضَحَّى مِنْكُمْ فَلَا يُصْبِحَنَّ فِي بَيْتِهِ بَعْدَ ثَلَاثَةِ شَيَئًا). فَلَمَّا كَانَ فِي الْعَامِ الْمُقْبِلِ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ! نَفْعَلُ كَمَا فَعَلْنَا عَامَ أَوَّلٍ؟ فَقَالَ: (لَا، ذَاكَ عَامٌ كَانَ النَّاسُ فِيهِ بِجَهْدٍ، فَأَرَدْتُ أَنْ يَفْشَوْا فِيهِمْ).

Maksudnya: "Bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesiapa yang menyembelih korban di kalangan kamu maka janganlah sama sekali dia menyimpan di rumahnya sedikit pun daging korban pada pagi hari yang ketiga". Apabila datang tahun berikutnya, para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah! Adakah (pada tahun ini) kami perlu melakukan sebagaimana yang telah kami lakukan pada tahun yang lalu?". Rasulullah lalu bersabda: "Tidak, pada tahun lepas orang ramai hidup dalam keadaan sukar maka saya mahu supaya daging tersebut tersebar di kalangan mereka". "

Hadis di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah berijtihad dan mengeluarkan perintah berdasarkan prinsip memelihara *masalah* umum iaitu supaya para sahabat tidak menyimpan daging korban selepas tiga hari daripada penyembelihan binatang berkenaan kerana pada masa tersebut Madinah sedang mengalami kekurangan makanan dan dalam masa yang sama, terdapat ramai orang-orang miskin yang datang ke Kota Madinah dengan berjalan kaki dalam keadaan lemah dengan tujuan untuk mencari bantuan pertolongan khasnya dalam bentuk bekalan makanan.

⁴⁷ Malik bin Anas (t.t), *ibid.*, h. 485. Lihat juga: al-Nawawi (1997), *op. cit.*, j. 13, h. 131.

⁴⁸ Muslim bin Hajjaj al-Naysaburi (2005), *op. cit.*, hadis bilangan 5082.

Berasaskan prinsip mengambilkira realiti semasa dan memelihara kemaslahatan yang lebih besar pula baginda telah bersabda:⁴⁹

لَا يُقَطَّعُ الْأَيْدِي فِي الْعَزْوِ

Maksudnya: "Tidak boleh dipotong tangan (pencuri) dalam (tempoh berlakunya) peperangan".

Larangan daripada melaksanakan hukuman potong tangan ke atas pencuri dalam tempoh berlakunya peperangan adalah bertujuan untuk memelihara kekuatan para tentera Islam. Ini kerana dengan adanya pelaksanaan hukuman potong tangan kerana perbuatan mencuri, individu berkenaan tidak mampu lagi untuk memegang senjata kerana tangannya sudah kudung. Bahkan dibimbangi juga sekiranya individu berkenaan akan bertindak lebih awal dengan melarikan diri dan pergi bergabung dengan tentera musuh.⁵⁰

Memandangkan terdapat banyak persoalan yang telah diijtihadkan oleh Rasulullah SAW berasaskan prinsip *masalah* menurut konsepnya yang luas, terdapat sebilangan para sahabat yang menyedari tentang perkara berkenaan. Justeru itu, apabila baginda melarang para sahabat daripada memotong sebarang pokok di kawasan Tanah Haram, bapa saudara kepada Rasulullah SAW iaitu sayidina 'Abbas r.a (68H) telah memohon agar baginda mengecualikan (pokok) *izkhir*⁵¹ daripada larangan tersebut dengan memberikan alasan bahawa ia selalu digunakan untuk menutupi kubur dan rumah-rumah mereka. Mendengar permohonan tersebut, baginda terus bersabda (إِلَّا الْإِذْخِرَ): "kecuali (pokok) *izkhir*".⁵²

Hadis di atas menjelaskan bahawa baginda telah mengecualikan pokok *izkhir* daripada larangan baginda yang bersifat umum tanpa terlebih dahulu menunggu wahyu daripada Allah S.W.T. Menurut sebilangan fuqaha', itu menunjukkan bahawa larangan tersebut telah ditentukan berasaskan ijtihad baginda sendiri.⁵³

⁴⁹ Muhammad bin 'Isa al-Tirmizi (1999), *op. cit.*, hadis bilangan 1450.

⁵⁰ *Ibid.* Lihat juga: 'Ali Hasaballah (1982), *op. cit.*, h. 186.

⁵¹ *Izkhir* ialah sejenis tumbuhan berbau harum yang tumbuh di Mekah.

⁵² Muslim bin Hajjaj al-Naysaburi (2005), *op. cit.*, hadis bilangan 3289, 3292 dan 3293.

⁵³ Untuk keterangan lanjut, sila lihat: al-Nawawi (1997), *op. cit.*, j. 9, h. 129-131 dan al-Qaradawi (1998), *al-Sunnah Masdarun li al-Ma'rifah wa al-Hadarah* (cetakan kedua). Kaherah: Dar al-Shuruq, h. 25-26. Pada pandangan penulis, pengecualian Rasulullah SAW di atas boleh difahami sebagai ijtihad baginda untuk memelihara hajat keperluan masyarakat setempat dan juga untuk meraikan adat kebiasaan yang baik.

iii. Prinsip *Sadd al-Zara'i'*

Sadd al-Zara'i' (سَدُّ الدَّرَائِعِ) boleh diuraikan sebagai prinsip dan tindakan yang bertujuan untuk menutup jalan (saluran) yang boleh membawa kepada berlakunya keburukan dan kerosakan; atau lahir dan berkembangnya sesuatu kemudaratan; dan juga untuk menghindarkan kemungkinan bertukarnya sesuatu kemudaratan yang sedia ada kepada kemudaratan yang lebih besar menurut kaca mata syariat Islam.

Sebagai contoh, Islam mengharamkan perbuatan khalwat untuk menghalang daripada berlakunya perzinaan dan pelbagai kemudaratan serta dosa besar yang lain seperti percampuran nasab keturunan, pengguguran janin, pembunuhan bayi, keruntuhan institusi keluarga dan sebagainya.

Berasaskan konsep yang luas di atas, prinsip *Sadd al-Zara'i'* adalah tergolong di dalam konsep *maslahah* yang menjadi sebahagian daripada prinsip syariat dalam penentuan hukum. Prinsip ini terkandung di dalam firman Allah S.W.T:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ

Maksudnya: "Dan janganlah kamu mencerca (berhala-berhala yang) mereka sembah selain dari Allah kerana mereka kelak mencerca Allah secara melampau batas dengan ketiadaan pengetahuan". (Surah al-An'am (6): 108).

Ayat di atas melarang umat Islam daripada mencerca patung-patung berhala yang dijadikan sembah oleh orang bukan Islam kerana tindakan sedemikian boleh menyebabkan golongan non-Muslim bertindak mencerca Allah S.W.T secara membuta tuli tanpa mengetahui bahawa tindakan sedemikian akan menambahkan lagi dosa, kesesatan dan kekufuran mereka. Selain itu, jika umat Islam dibenarkan melemparkan celaan kepada patung-patung berhala sembah non-Muslim, ia tentunya akan menambahkan lagi kebencian non-Muslim terhadap agama Islam dan sekali gus akan menjadi penghalang kepada mereka sama ada untuk menganut agama Islam mahupun untuk mendekati agama Islam.

Sehubungan itu, para fuqaha' telah mengklasifikasikan larangan di atas sebagai penentuan hukum berasaskan *Sadd al-Zara'i'*. Manakala

Imam Ibn al-Qayyim (751H) pula telah mengemukakan sebanyak 99 contoh hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh syarak (Allah dan RasulNya SAW) di dalam al-Quran dan al-Sunnah berasaskan prinsip *Sadd al-Zara'i'*. Imam Ibn al-Qayyim seterusnya menegaskan bahawa ijtihad berasaskan prinsip *Sadd al-Zara'i'* adalah perlu diterima kerana ia mempunyai hujah yang sangat banyak dan tidak boleh diragui.⁵⁴

Penentuan hukum berasaskan prinsip *Sadd al-Zara'i'* sememangnya telah dijadikan sebagai salah satu daripada prinsip dan kaedah ijtihad oleh Rasulullah SAW sama ada sejak permulaan Islam di Kota Mekah mahupun selepas syariat Islam menjadi semakin mantap selepas tertegaknya negara dan khilafah Islamiyyah di Kota Madinah.

Di antara contoh-contoh ijtihad Rasulullah SAW dalam penetapan hukum berasaskan *Sadd al-Zara'i'* ialah sebagaimana berikut:

a. Larangan Menziarahi Kubur Pada Permulaan Islam

Di antara ijtihad Rasulullah SAW berasaskan kaedah *Sadd al-Zara'i'* ialah baginda telah melarang para sahabat r.a daripada menziarahi kubur pada permulaan dakwah Islam. Namun beberapa tahun selepas berhijrah ke Kota Madinah, baginda telah memberikan galakan kepada para sahabat supaya melakukan amalan menziarahi tanah-tanah perkuburan sebagaimana baginda sendiri kerap kali melakukannya. Sehubungan itu, Rasulullah SAW telah bersabda:⁵⁵

كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ، فَزُورُوهَا، فَإِنَّهَا تُزَهِّدُ فِي الدُّنْيَا
وَتُذَكِّرُ الْآخِرَةَ.

Maksudnya: "Dulu saya telah melarang kamu daripada menziarahi kubur. Namun mulai dari sekarang, ziarahilah oleh kamu tanah perkuburan kerana sesungguhnya ia akan menjadikan kamu bersifat zahid di dunia dan mengingatkan kamu akan akhirat".

Larangan daripada menziarahi tanah perkuburan yang telah dikeluarkan oleh Rasulullah SAW pada permulaan Islam adalah bertujuan untuk menghalang dan menjauhkan para sahabat daripada terlibat dengan

⁵⁴ Ibn al-Qayyim (1993), *I'lam al-Muwaqqi'in*. Kaherah: Dar al-Hadith, j. 3, h. 113-130.

⁵⁵ Muhammad bin Yazig al-Qazwini (2008), *op. cit.*, hadis bilangan 1571. Lihat juga: jalaluddin bin Abi Bakr al-Suyuti (t.t), *al-Jami' al-Saghir*, hadis bilangan 6430.

perbuatan memuja kubur sebagaimana yang banyak berlaku pada zaman jahiliyah.

Larangan tersebut terus berlanjutan sehingga para sahabat r.a berhijrah dan menetap di Kota Madinah. Namun, sesudah Rasulullah SAW berpuas hati terhadap kematapan akidah para sahabat, baginda telah membenarkannya semula bahkan telah memberikan galakan supaya para sahabat menziarahi tanah perkuburan dengan memberi alasan bahawa ia dapat mendidik jiwa untuk mengingati kematian dan menimbulkan kesedaran untuk bersiap sedia dengan bekalan taqwa bagi menghadapi kehidupan yang kekal abadi di akhirat nanti.

Tegasnya, larangan dan galakan yang terkandung di dalam hadis di atas telah ditentukan oleh Rasulullah SAW berasaskan ijtihad baginda sendiri iaitu berasaskan prinsip *maslahah* dan mengambilkira realiti semasa dalam penentuan hukum.

b. Perintah Supaya Menumpahkan Masakan Daging Keldai Dan Memecahkan Periuk Masakannya

Rasulullah SAW telah melarang para sahabat daripada memakan daging keldai⁵⁶ dan larangan berkenaan telah dipatuhi sepenuhnya oleh para sahabat r.a. Namun dalam suatu peperangan, terdapat beberapa orang para sahabat r.a telah menyembelih seekor keldai tanpa pengetahuan Rasulullah SAW, lalu mereka membuat masakan di dalam sebuah periuk besar. Sebaik sahaja mengetahui tindakan tersebut, baginda terus memerintahkan agar para sahabat menumpahkan masakan berkenaan dan memecahkan periuknya.⁵⁷ Mendengar arahan tersebut, seorang sahabat memohon agar periuk masakan berkenaan tidak dipecahkan tetapi dibasuhkan sahaja, lalu baginda terus memberikan persetujuan.⁵⁸

Persetujuan yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada permintaan berkenaan tanpa terlebih dahulu menunggu kedatangan wahyu menunjukkan bahawa arahan tersebut adalah bersumber daripada ijtihad baginda, bukannya bersumberkan wahyu daripada Allah S.W.T.

⁵⁶ Muslim bin Hajjaj al-Naysaburi (2005), *op. cit.*, hadis bilangan 4981-4996.

⁵⁷ Ini adalah salah satu daripada ketegasan Rasulullah SAW apabila berhadapan dengan pelanggaran terhadap sesuatu larangan yang telah baginda tetapkan.

⁵⁸ Muslim bin Hajjaj al-Naysaburi (2005), *op. cit.*, hadis bilangan 4993.

c. Pembunuh Tidak Berhak Memperolehi Harta Pusaka

Rasulullah SAW telah menetapkan bahawa seseorang yang membunuh warisnya tidak berhak untuk memperolehi pusaka yang ditinggalkan oleh waris berkenaan sebagaimana sabda baginda:⁵⁹

لَيْسَ لِقَاتِلِ شَيْءٍ

Maksudnya: “Tiada suatu pun (bahagian harta pusaka) yang berhak diterima oleh pembunuh”.

Matlamat daripada ketetapan Rasulullah SAW di atas ialah untuk menghalang seseorang daripada membunuh warisnya apabila didorong oleh keinginan mahu memperolehi harta pusaka yang ditinggalkan oleh mangsa berkenaan dalam kadar yang segera.

Bertolak daripada konsep inilah ada fuqaha’ yang telah menyimpulkan suatu kaedah fiqh yang sangat berharga iaitu:⁶⁰

مَنْ اسْتَعْجَلَ شَيْئًا قَبْلَ أَوَانِهِ عُوِّبَ بِحَرَمَانِهِ

Maksudnya: “Sesiapa yang bertindak gopoh untuk memperolehi sesuatu sebelum tiba masanya, dia akan dibalas dengan cara dihalang daripada memperolehi apa yang diingini itu”.

Sebenarnya ketetapan Rasulullah SAW di atas adalah menjadi suatu cegahan yang paling berkesan daripada berlaku dan berkembangnya perbuatan jenayah di antara sesama ahli keluarga terdekat dan juga di kalangan masyarakat umum yang kadang-kadang berpunca daripada sifat tamak haloba dan didorong oleh keinginan untuk segera mempusakai harta-benda para pewaris dengan cara yang tidak dihalalkan oleh syarak.

d. Membatalkan Hasrat Untuk Mengubahsuai Binaan Kaabah

Rasulullah SAW pernah bercita-cita untuk mengubahsuai binaan Kaabah kepada bentuknya yang asal sebagaimana yang telah dibina oleh nabi Ibrahim a.s. Bagaimanapun, memandangkan tindakan tersebut boleh menimbulkan keburukan yang lebih besar berbanding dengan

⁵⁹ Malik bin Anas (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 867.

⁶⁰ ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr al-Suyuti (1998), *al-Ashbah wa al-Naza’ir* (ed. Muhammad Hasan Isma‘il al-Shafi’i). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 1, h. 327.

kemaslahatan yang ingin dicapai iaitu kemungkinan akan menimbulkan kemarahan dan pemberontakan bangsa Arab yang baru memeluk Islam, hasrat tersebut telah dibatalkan sebagaimana sabda baginda kepada sayidatina 'A'ishah r.a.⁶¹

"يَا عَائِشَةُ لَوْ لَا قَوْمُكَ حَدِيثُ عَهْدِهِمْ - قَالَ ابْنُ الزُّبَيْرِ: بِكَفَرٍ -
لَنَقَضْتُ الْكَعْبَةَ فَجَعَلْتُ لَهَا بَابَيْنِ: بَابًا يَدْخُلُ النَّاسُ وَبَابًا
يَخْرُجُونَ"

Maksudnya: "Wahai 'A'ishah, kalau tidak kerana kaum engkau baru sahaja masa mereka –kata (Abdullah) bin al-Zubayr: dengan kekufuran (iaitu baru memeluk Islam) - nescaya saya akan merobohkan bangunan Kaabah dan akan membina dua buah pintu untuknya iaitu satu pintu masuk dan satu pintu keluar".

Melalui kitab *al-Muwafaqat*, Imam al-Shatibi (790H)⁶² mengkategorikan sikap Rasulullah SAW di atas sebagai penentuan hukum berasaskan prinsip (النَّظَرُ إِلَى مَالَاتِ الْأَفْعَالِ) iaitu "mengambil kira akibat yang akan berlaku daripada sesuatu tindakan", di mana ia merupakan asas kepada kaedah *Sadd al-Zara'i'* iaitu menutup jalan atau saluran yang membawa kepada kerosakan.

Berasaskan prinsip *Sadd al-Zara'i'* inilah Rasulullah SAW telah melarang para sahabat r.a daripada membunuh ketua golongan munafik di Madinah iaitu Abdullah bin Ubay bin Salul dengan memberikan alasan bahawa tindakan tersebut boleh menyebabkan tersebarnya berita negatif di kalangan masyarakat Arab kononnya Rasulullah SAW telah bertindak zalim dengan membunuh sahabat sendiri.

Berasaskan prinsip *Sadd al-Zara'i'* juga, Rasulullah SAW telah melarang seseorang mencela ibubapa orang lain, melarang umat Islam daripada melakukan perbuatan khalwat, melarang golongan wanita daripada keluar rumah dengan memakai bau-bauan yang harum semerbak dan sebagainya⁶³ kerana semuanya boleh membawa kepada perbuatan mungkar atau boleh mengakibatkan berlakunya kemungkaran yang lebih besar.

⁶¹ Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (1999), *op.cit.*, hadis bilangan 126.

⁶² Al-Shatibi (t.t), *op. cit.*, j. 4, h. 143.

⁶³ Ibn al-Qayyim (1993), *op. cit.*, j. 3, h. 113-130.

iv. Prinsip Mengambilkira 'Uruf' Yang Baik Dalam Penentuan Hukum

Dalam berijtihad berlandaskan prinsip umum syariat, Rasulullah SAW telah mengambilkira 'uruf' (adat kebiasaan) yang baik di kalangan masyarakat dalam penentuan hukum syarak selagi mana ia tidak bercanggah dengan sebarang nas, fakta dan prinsip umum syariat serta tidak mendapat teguran daripada Allah S.W.T.

Di antaranya ialah baginda telah memberi perakuan kepada amalan *al-Qasamah* yang dikenali sejak zaman jahiliah⁶⁴ iaitu apabila terdapat seseorang mangsa bunuh dijumpai di sesuatu tempat, pihak mahkamah akan memilih seramai lima puluh orang lelaki yang tinggal di sekitar kawasan berkenaan dan meminta mereka bersumpah dengan mengatakan:⁶⁵

وَاللّٰهُ! مَا قَتَلْنَاهُ وَمَا عَلِمْنَا قَاتِلَهُ

Maksudnya: "Demi Allah! Kami tidak membunuhnya dan kami tidak tahu siapakah pembunuhnya".

Apabila mereka semua melaksanakan sumpahan tersebut, maka semua penduduk kawasan berkenaan dianggap tidak terlibat dengan pembunuhan mangsa yang dijumpai itu dan bayaran *diyat* tidak akan dikenakan ke atas penduduk kampung berkenaan.

Di antara contoh lain yang berkaitan dengan ijtihad berasaskan prinsip mengambilkira 'uruf' yang baik di kalangan masyarakat ialah apabila Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah dan mendapati orang-orang Yahudi berpuasa pada hari 'Ashura' (sepuluh Muharam), baginda telah mengambil langkah untuk turut berpuasa dan memberikan galakan kepada para sahabat supaya berpuasa pada hari tersebut.⁶⁶ Namun begitu, baginda turut meminta para sahabat r.a berpuasa pada tarikh 9 Muharram untuk membezakan puasa orang Islam berbanding puasa orang Yahudi.

Dalam kes yang lain, apabila Rasulullah SAW ditanya oleh Khawlah binti Tha'labah r.a berkenaan kedudukan dirinya yang telah

⁶⁴ Muslim bin Hajjaj al-Naysaburi (2005), *op. cit.*, hadis bilangan 4318. Untuk keterangan lanjut, sila lihat: al-Nawawiy (1997), *op. cit.*, j. 11, h. 146-154 dan Sayyid Sabiq (t.t), *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, j. 2, h. 493-497.

⁶⁵ Ahmad Fathi Bahnasi (1970), *al-'Uqubah fi al-Fiqh al-Islami* (cetakan kedua). Beirut: Dar al-Ra'id al-'Arabi, h. 166.

⁶⁶ Muslim bin Hajjaj al-Naysaburi (2005), *op. cit.*, hadis bilangan 2651.

diziharkan⁶⁷ oleh suaminya, baginda menjelaskan bahawa Khawlah telah tertalak (terputus hubungan perkahwinan) daripada suaminya (bernama Aws bin al-Shamit r.a). Ini kerana pada zaman jahiliyah, *zihar* (ظَهَرَ) merupakan salah satu daripada beberapa bentuk talak.⁶⁸

Namun, Allah S.W.T telah menurunkan empat ayat al-Quran sebagaimana yang terkandung di dalam surah al-Mujadilah⁶⁹ yang bertujuan untuk menghapuskan fenomena *zihar* di kalangan umat Islam, di mana seseorang suami yang menziharkan isterinya telah diperintahkan supaya menyempurnakan salah satu daripada tiga jenis *kaffarah* iaitu dengan memerdekakan seorang hamba atau berpuasa dua bulan berturut-turut atau dengan memberi makan kepada enam puluh orang miskin sebelum mengadakan hubungan kelamin dengan isteri berkenaan.

Sesungguhnya ketetapan Allah S.W.T di atas mengandungi hukum yang lebih jitu dan lebih berkesan dalam menghapuskan perbuatan *zihar* yang pernah menjadi adat kebiasaan pada zaman jahiliah. Ini kerana sudah menjadi suatu prinsip al-Quran bahawa hanya adat-adat yang terpuji serta tidak bercanggah dengan konsep kemaslahatan dan keadilan sahaja yang akan diambilkira dalam penentuan sesuatu hukum. Manakala sesuatu adat yang bersifat negatif serta bercanggah dengan konsep kemaslahatan dan keadilan pasti akan dibatalkan atau dibuat beberapa pindaan yang tertentu. Sebagai contohnya ialah syarak telah menghadkan bilangan talak setakat tiga kali sahaja⁷⁰ dan menghadkan setakat empat orang isteri sahaja kepada seseorang lelaki yang ingin berpoligami dalam satu-satu masa.⁷¹

⁶⁷ *Zihar* bermaksud seseorang lelaki berkata kepada isterinya (أَلَيْتَ - حَرَامٌ - عَلَيَّ كَظَهَرَ أُمِّي): "Engkau adalah haram (disetubuhi) ke atasku seperti haramnya belakang ibuku". Pada zaman jahiliah, lelaki kerap kali menziharkan isterinya dengan tujuan untuk menyiksa isteri berkenaan kerana dengan berkata demikian, isteri berkenaan tidak berpeluang lagi untuk menikmati hubungan kelamin dengan suaminya dan dalam masa yang sama dia tidak dibenarkan pula untuk berkahwin dengan lelaki lain pada sepanjang hidupnya.

⁶⁸ Dr. Idris Jumu'ah Darrar Bashir (t.t), *op. cit.*, h. 87. Pada zaman jahiliah, sebilangan lelaki telah menggunakan pendekatan *ila'* dan *zihar* untuk menzalimi isterinya, di mana ia menyebabkan isteri berkenaan hidup bagaikan digantung tanpa bertali. Pada akhirnya, ijtihad Rasulullah SAW dalam masalah ini bertujuan untuk menghapuskan adat jahiliyah dan kezaliman berkenaan. Justeru itulah kita mendapati baginda menyamakannya dengan talak yang menyebabkan ikatan suami-isteri terputus secara langsung bagi membolehkan perempuan berkenaan berkahwin lain apabila habis tempoh edahnya.

⁶⁹ Al-Quran, surah al-Mujadilah (58): 1-4.

⁷⁰ Al-Quran, surah al-Baqarah (2): 228.

⁷¹ Al-Quran, surah al-Nisa' (4): 3.

PENUTUP

Sesungguhnya Rasulullah SAW yang berperanan sebagai rasul, ketua negara, kadi dan mufti telah berjihad dalam pelbagai persoalan yang dihadapi sama ada melibatkan urusan keduniaan mahupun urusan keagamaan. Dalam banyak kes, ijtihad baginda menepati kehendak Allah S.W.T dan ia akan menjadi sumber rujukan hukum yang muktabar sesudah al-Qur'an. Namun, jika berlaku sebarang kesilapan dalam berjihad, Allah S.W.T segera akan menurunkan wahyu kepada baginda untuk menjelaskan hukum yang lebih *awla* (utama) dan lebih bertepatan dengan kehendakNya sebagaimana turunnya wahyu yang menegur ijtihad baginda berhubung hukuman yang diputuskan ke atas para tawanan perang Badar dan juga berhubung ijtihad baginda dalam kes zihar yang berlaku kepada Khawlah binti Tha'labah r.a.

Sehubungan ini, penulis menyimpulkan bahawa Rasulullah SAW diharuskan berjihad tanpa perlu menunggu wahyu daripada Allah S.W.T, bukan sahaja dalam urusan dunia (politik dan kenegaraan), bahkan juga dalam permasalahan hukum yang berkaitan dengan cabang-cabang ibadat, munakahat, muamalat dan jenayah). Keharusan ini bagaimanapun tidak melibatkan permasalahan yang tidak mungkin diketahui tanpa wahyu⁷² iaitu dalam persoalan yang berhubungkait dengan asas-asas ibadat khusus seperti bilangan waktu solat fardu dan bilangan rakaat setiap waktu solat; dan keduanya ialah berhubung hukum-hukum yang bersifat *muqaddarat* (iaitu sesuatu hukum yang Allah S.W.T sendiri telah menetapkan jenis dan kadar yang tertentu bagi sesuatu masalah hukum) seperti bilangan maksima untuk berpoligami, tempoh yang wajib dihabiskan oleh wanita yang beridrah, jumlah bahagian pusaka, jenis-jenis hukuman hudud, bilangan sebatan dalam hukuman hudud dan sebagainya.

Sememangnya Rasulullah SAW sendiri sangat memahami bahawa Allah S.W.T hanya akan memperincikan hukum-hukum yang berkaitan dengan asas-asas ibadat, hukum-hukum kekeluargaan, asas-asas muamalat, sebahagian daripada hukuman jenayah (hudud dan qasas) dan asas-asas hubungan antarabangsa sahaja. Manakala cabang-cabang hukum yang melibatkan kehidupan bermasyarakat dan bernegara serta perhubungan antarabangsa tidak akan diperincikan melalui al-Quran. Dalam menghadapi sesuatu permasalahan hukum yang tergolong di dalam persoalan yang tidak diperincikan inilah baginda diharuskan berjihad tanpa perlu menunggu wahyu daripada Allah S.W.T.

⁷² 'Ali Hasaballah (1982), *op. cit.*, h. 99 dan Prof. Dr. Khalifah Ba Bakr al-Hasan (1997), *op. cit.*, h. 118.